

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2014

SOALAN :

YB. Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah bentuk insentif yang boleh diberikan oleh Kementerian kepada pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan untuk menawarkan pakej “Halal Cruise Tourism” sebagai satu “niche marketing” untuk menarik pelancong-pelancong yang beragama Islam dan pasaran Timur Tengah.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Bahagian Pembangunan Industri, Tourism Malaysia tidak menawarkan sebarang insentif kepada pengusaha pelancongan tempatan untuk menawarkan pakej Halal Cruise Tourism. Pihak Kementerian hanya mengadakan insentif bagi *Maiden Call* iaitu acara sambutan di pelabuhan semasa ketibaan kapal persiaran yang besar yang berlabuh di Pelabuhan Klang Cruise Centre (PKCC) buat kali pertama.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan mempertimbangkan isu ini untuk dimasukkan ke dalam Mesyuarat *Cruise Council* (MCC) jika terdapat permohonan untuk mewujudkan pakej Halal Cruise Tourism.

Sekian, terima kasih.